
Kajian Persepsi Pelajar Jabatan Kejuruteraan Elektrik Politeknik Ungku Omar Terhadap Peperiksaan Buku Terbuka (Peperiksaan Alternatif)

Fadilah binti Ahmad¹, Saadiah binti Seman², Sharmila binti Mad Isa³ dan Nor Aqilah binti Abdul Hamid⁴

^{1,2,3}Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Politeknik Ungku Omar, Malaysia

E-mail: dilahmad@puo.edu.my, diahseman@puo.edu.my, sharmila.mdisa@puo.edu.my

⁴Ghazali Shafie Graduate School of Government, Universiti Utara Malaysia

E-mail: aqilah9780@gmail.com

Abstract

The purpose of this study is to examine the perception of students of the Ungku Omar Polytechnic Electrical Engineering Department towards the alternative examination or better known as the open book examination that was carried out during the Movement Control Order (MCO) period due to the spread of COVID-19. This is a measure taken by the Ministry of Higher Education to curb the spread of the pandemic. This study was conducted to semester 3 and 4 students from three different courses under the Department of Electrical Engineering. The findings found that 91% preferred the open book examination method to the closed book examination method (conventional method) where students had to answer the exam without bringing any reference source. In addition, students also stated that open book exams require them to prepare well while putting less stress. Therefore, stakeholders need to re-evaluate the existing examination methods by adopting the open book examination method so that students can apply all the knowledge learned rather than simply memorizing the facts.

Keywords: *Open book examination, closed book examination, and students' perception*

Abstrak

Tujuan kajian ini adalah bagi mengkaji persepsi pelajar Jabatan Kejuruteraan Elektrik Politeknik Ungku Omar terhadap peperiksaan alternatif atau lebih dikenali sebagai peperiksaan buku terbuka yang telah dilaksanakan ketika tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat penularan wabak COVID-19. Ini merupakan langkah yang diambil oleh Kementerian Pengajian Tinggi bagi mengekang penularan wabak. Kajian ini dijalankan kepada pelajar semester 3 dan 4 dari tiga kursus berbeza di bawah Jabatan Kejuruteraan Elektrik. Hasil dapatan kajian mendapati, 91% lebih menyukai kaedah peperiksaan buku terbuka daripada kaedah peperiksaan buku tertutup (kaedah konvensional) di mana pelajar perlu menjawab peperiksaan tanpa membawa sebarang sumber rujukan. Selain itu, pelajar juga menyatakan peperiksaan buku terbuka memerlukan mereka membuat persediaan yang rapi di samping kurang memberi tekanan. Tuntasnya, pihak berkepentingan perlu menilai semula kaedah peperiksaan sedia ada dengan mengadaptasi kaedah peperiksaan buku terbuka supaya pelajar dapat mengaplikasi segala ilmu yang dipelajari daripada hanya menghafal fakta semata-mata.

Kata kunci: *Peperiksaan buku terbuka, peperiksaan buku tertutup, dan persepsi pelajar.*

I. PENGENALAN

Virus covid-19 yang mula menular di Wuhan, China telah merebak dengan begitu pantas ke seluruh dunia. Ia telah meragut bukan hanya ribuan malahan jutaan nyawa manusia dan telah menukarkan sebuah bandar sibuk menjadi bandar yang sepi tanpa manusia berkeliaran [1]. Menyedari kepentingan kesihatan awam, kebanyakan negara telah mengambil tindakan

perintah berkurung di hampir seluruh negara. Rentetan daripada perintah berkurung tersebut, aktiviti ekonomi terpaksa dihentikan buat sementara waktu begitu juga dengan aktiviti lain seperti pertanian, pendidikan, pembinaan, dan lain-lain lagi [2]. Pandemik Covid-19 ini juga telah memaksa institusi pendidikan untuk mencari inisiatif lain untuk meneruskan aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta menyusun semula strategi untuk

75

Received: 08 February 2023

Revised: 15 March 2023

Accepted: 25 March 2023

menilai prestasi pelajar. Lantaran daripada itu, pihak institusi pendidikan dan pengajian tinggi telah mengimplementasikan kaedah pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian. Namun, terdapat segelintir penyelidik yang mengkritik kaedah pembelajaran ini kerana ia mendiskriminasikan golongan pelajar luar bandar yang tidak dapat mengakses kemudahan internet dan buta teknologi [3]. Walau bagaimanapun, semua pihak harus mengadaptasi kaedah pembelajaran secara atas talian kerana pada masa yang sukar ini, pembelajaran secara dalam talian bukan lagi satu pilihan, tetapi ia satu keperluan. Begitu juga dengan kaedah peperiksaan buku terbuka yang merupakan inisiatif lain bagi menilai prestasi pelajar di kala negara dilanda wabak.

Oleh kerana pendidikan memainkan peranan yang penting dalam membangunkan modal insan. Sektor pendidikan harus sentiasa berdaya tahan dalam apa jua keadaan. Untuk itu, kajian ini dilaksanakan bagi menilai persepsi pelajar Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Politeknik Ungku Omar yang telah menghadapi peperiksaan buku terbuka ketika negara berada di ambang pandemik. Dalam kajian ini, beberapa aspek akan dinilai antaranya persepsi pelajar, pandangan, dan manfaat yang telah diperolehi hasil daripada kaedah peperiksaan buku terbuka.

II. PEMASALAHAN KAJIAN

Peperiksaan buku terbuka telah menjadi semakin popular di institusi pendidikan, terutamanya semasa pandemik COVID-19, kerana ia menawarkan alternatif kepada peperiksaan gaya konvensional. Walaupun peperiksaan buku terbuka memberi kelebihan kepada pelajar untuk mengakses bahan semasa ujian. Namun begitu, peperiksaan buku terbuka mempunyai beberapa cabaran yang mungkin menjejaskan keberkesanan dan keadilan keseluruhan semasa proses penilaian.

Menurut kajian oleh [4], salah satu isu utama dengan peperiksaan buku terbuka ialah ia mewujudkan padang permainan yang tidak rata. Pelajar yang mempunyai nota dan buku teks yang lebih komprehensif dan teratur mungkin mempunyai kelebihan. Ini menimbulkan ketidakadilan kepada pelajar lain yang mungkin bergelut untuk mencari maklumat yang diperlukan. Tambahan pula, peperiksaan buku terbuka mungkin tidak menggambarkan dengan tepat keupayaan pelajar untuk mengingat dan menggunakan pengetahuan, kerana pelajar mungkin hanya bergantung pada bahan mereka untuk menjawab soalan daripada menunjukkan pemikiran kritis atau kemahiran menyelesaikan masalah [4].

Selain itu, peperiksaan buku terbuka boleh menyebabkan kekurangan motivasi dan penglibatan,

ini kerana pelajar mungkin tidak merasakan perasaan mendesak atau tekanan yang sama untuk bersedia menghadapi peperiksaan, yang berpotensi mengakibatkan gred yang lebih rendah atau hasil pembelajaran yang tidak berkesan [4]. Oleh itu, adalah penting untuk menangani cabaran ini dan mencari jalan untuk memastikan bahawa peperiksaan buku terbuka adalah penilaian yang adil, tepat dan bermakna terhadap pengetahuan dan kemahiran pelajar.

III. OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan bagi mencapai objektif seperti yang berikut:

- a) Menenalpasti persepsi pelajar terhadap peperiksaan buku terbuka.
- b) Mengkaji pendapat pelajar terhadap pelaksanaan peperiksaan buku terbuka

IV. TINJAUAN LITERATUR

Peperiksaan buku terbuka ialah peperiksaan di mana pelajar dibenarkan membawa apa sahaja dokumen seperti nota, buku teks dan bahan lain yang diluluskan oleh tenaga pengajar bagi tujuan membantu mereka dalam menghadapi peperiksaan [5]. Peperiksaan buku terbuka ini bersesuaian untuk kursus yang bertujuan melahirkan pelajar yang mempunyai kemahiran kritis dan pemikiran kreatif. Ini selari dengan pendapat [4], yang menyatakan peperiksaan merujuk buku dapat menguji kebolehan pelajar untuk mengaplikasikan pengetahuan yang telah dipelajari bagi menyelesaikan soalan yang berbentuk penyelesaian masalah sekali gus dapat menilai pemikiran kreatif pelajar. Ini berlainan dengan kaedah peperiksaan konvensional sedia ada di mana pelajar tidak dibenarkan merujuk bahan atau sumber bacaan ketika menghadapi peperiksaan. Lazimnya peperiksaan jenis ini akan diadakan di suatu tempat tertutup, diawasi oleh pengajar dan kedudukan meja pelajar akan dijarakkan antara satu sama lain bagi mengelakkan pelajar berbincang dan meniru. Selain itu, peperiksaan buku tertutup ini juga menilai sejauh mana pelajar itu dapat menghafal maklumat yang telah dipelajarinya untuk digunakan bagi menjawab peperiksaan.

Menurut [6], bentuk soalan peperiksaan bagi kaedah buku terbuka akan mengkehendaki pelajar untuk menganalisis, mensintesis, membandingkan atau menilai maklumat. Ia dapat menguji pelajar untuk memahami ilmu yang telah disampaikan di dalam dewan kuliah dan mengaplikasikan ilmu yang telah dipelajari bagi tujuan penyelesaian masalah. Untuk itu, peperiksaan buku terbuka memerlukan pelajar untuk memahami ilmu yang telah dipelajari dengan betul dan dapat

menggunakan maklumat dan kandungannya serta bukannya hanya menghafal ilmu semata-mata. Kaedah peperiksaan buku terbuka juga memberi peluang pembelajaran kedua kepada pelajar untuk memahami kursus yang telah dipelajari. Ini kerana, ketika pelajar membaca buku untuk mendapatkan jawapan, pelajar akan memperoleh lebih banyak input dari pelbagai sumber yang boleh digunakan untuk menghadapi peperiksaan dan ketika pelajar berada di alam pekerjaan kelak.

Dari segi manfaat peperiksaan buku terbuka, ia menggalakkan pemikiran aras tinggi di kalangan pelajar. Peperiksaan buku terbuka juga boleh meningkatkan kemahiran literasi maklumat dengan mengkehendaki pelajar mencari cara yang berkesan untuk mendapatkan jawapan, memilih serta menilai data dan maklumat yang bersesuaian daripada pelbagai sumber. Kaedah peperiksaan ini juga dipercayai memberi transformasi berkesan terhadap proses pembelajaran. Pentaksiran seharusnya bukan lagi hanya menunjukkan “apa yang mereka tahu”. Sebaliknya, pelajar perlu menunjukkan apa yang mereka boleh “lakukan” dengan apa yang mereka tahu [7]. Ini adalah amat penting ketika pelajar berada di alam pekerjaan kelak di mana pelajar perlu mengaplikasikan teori yang telah dipelajari secara praktikal.

Selain itu, antara manfaat lain peperiksaan buku terbuka yang dipersetujui oleh banyak penyelidik ialah dapat mengurangkan tekanan pelajar akibat peperiksaan [8]. Ini kerana secara tradisinya peperiksaan menuntut pelajar untuk menghafal maklumat. Dalam kes ini, pelajar akan cenderung menumpukan perhatian kepada pengekal maklumat daripada membangunkan pemahaman tentang kursus yang mereka pelajari. Apabila institusi pendidikan melaksanakan peperiksaan buku terbuka, ia akan menghilangkan tekanan untuk mengekalkan hafalan mereka, ini membolehkan pelajar untuk menumpukan kepada pemahaman konsep dengan lebih baik. Perkara ini akan membantu dalam mewujudkan aspek positif dalam kalangan pelajar apabila peperiksaan buku terbuka ini diimplementasikan.

Dari segi aspek negatif peperiksaan buku terbuka ialah ia menambah beban tenaga pengajar untuk menyediakan kertas soalan peperiksaan. Seperti yang dibincangkan sebelum ini, peperiksaan buku terbuka memerlukan tenaga pengajar menyediakan soalan dalam bentuk penyelesaian masalah dan soalan tersebut perlu berlainan dari soalan peperiksaan lepas [5]. Sebagai contoh, kaedah peperiksaan buku terbuka memerlukan tenaga pengajar menyediakan soalan di tahap kognitif seperti konseptualisasi, penyelesaian masalah dan penaakulan. Oleh yang demikian, peperiksaan buku terbuka memerlukan tenaga pengajar yang

mempunyai kepakaran yang boleh menggubal soalan supaya peperiksaan buku terbuka ini dapat mencapai tujuannya iaitu mengukur keupayaan pelajar bagi mengorganisasi serta mengaplikasikan semula ilmu yang telah dipelajari [4].

Antara aspek negatif lain terhadap peperiksaan buku terbuka ialah sukar untuk memastikan semua pelajar mempunyai sumber dan kelengkapan yang sama untuk digunakan ketika peperiksaan. Ini mungkin disebabkan stok buku di perpustakaan yang terhad dan kos buku rujukan yang tinggi. Selain itu, pelajar memerlukan ruang meja yang lebih besar semasa peperiksaan untuk menempatkan bahan rujukan tambahan. Di samping itu, kadang kala pelajar mungkin menghabiskan masa untuk mencari jawapan di dalam buku rujukan dan bukannya menggunakan pengetahuan, kemahiran praktikal dan kebolehan kemahiran pemikiran aras tinggi serta pemikiran kritikal [9]. Secara keseluruhannya, apabila dianalisis pelbagai manfaat dan aspek negatif yang dapat dilihat terhadap pelaksanaan peperiksaan buku terbuka. Namun, apabila diteliti lebih banyak manfaat yang dapat diperoleh hasil pelaksanaan kaedah peperiksaan jenis ini. Kajian lepas juga menunjukkan pelajar lebih memilih peperiksaan buku terbuka dari peperiksaan buku tertutup. Untuk itu, kajian ini dibuat bagi menilai persepsi pelajar terhadap peperiksaan buku terbuka yang telah dilaksanakan.

V. METODOLOGI KAJIAN

i Reka bentuk kajian dan kaedah pengumpulan data

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif, penyelidikan kuantitatif merupakan kaedah penyiasatan dengan mengumpul data yang boleh diukur dan di taksir [10]. Penyelidikan ini dilaksanakan dengan mengumpul maklumat daripada responden menggunakan kaedah pensampelan rawak mudah dengan menjalankan tinjauan melalui borang soal selidik yang diedarkan menggunakan aplikasi whatsapp

Populasi bagi kajian ini terdiri daripada pelajar semester 3 dan 4 daripada Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE), Politeknik Ungku Omar yang telah menduduki peperiksaan buku terbuka (Peperiksaan Alternatif). Untuk mendapat saiz sampel kajian, jadual Krejcie dan Morgan telah digunakan. Oleh sebab, setiap kursus mempunyai bilangan pelajar yang berbeza, jumlah sampel juga turut berbeza. Jadual 1 merupakan pembahagian responden setiap bidang kursus.

Jadual 1: Saiz Sampel

Bil	Bidang Kursus	Jumlah Pelajar	Jumlah sampel
1	Diploma Elektrik dan Elektronik (DEE)	184	127
2	Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komputer) (DTK)	108	86
3	Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi) (DEP)	86	70
Jumlah		378	283

ii Instrumen kajian

12 item soal selidik telah dibangunkan yang terdiri daripada profil demografi dan persepsi pelajar terhadap peperiksaan buku terbuka. Soalan profil demografi digunakan untuk mengumpul maklumat seperti jantina, umur, bangsa, dan bidang pengajian. Semua soalan di borang soal selidik merupakan *closed ended question* di mana responden hanya menjawab soalan berdasarkan jawapan yang telah disediakan. Antara instrumen yang di kaji adalah pandangan pertama pelajar, pendapat peribadi dan alasan membenarkan peperiksaan buku terbuka. Di samping itu, terdapat tiga soalan yang memerlukan pelajar menjawab soalan berdasarkan skala likert 5 mata. Skor yang lebih tinggi menunjukkan responden lebih bersetuju dengan pernyataan tersebut.

Dalam kajian ini, tiga tahap skor min digunakan untuk mengenalpasti persepsi pelajar terhadap peperiksaan buku terbuka. Tahap skor min boleh dinilai berdasarkan jadual 2 yang dipetik daripada [11].

Jadual 2: Tahap skor min

Julat Min	Tahap
1.00-2.33	Rendah
2.43-3.67	Sederhana
3.68-5.00	Tinggi

VI. DAPATAN KAJIAN

i Demografi

Pada bahagian ini, pengkaji akan membincangkan tentang latar belakang responden dalam kajian ini. Analisis latar belakang adalah berdasarkan soalan yang dikemukakan pada peringkat awalan borang soal selidik iaitu jantina, umur, bangsa dan bidang pengajian. Kaedah kekerapan dan peratusan akan digunakan bagi tujuan analisa.

Seramai 238 responden telah mengambil bahagian dalam kajian ini melalui borang soal selidik yang telah diedarkan. Daripada 238 responden, didapati bahawa seramai 213 responden ialah lelaki iaitu membawa kepada 75.3 peratus dan 70 responden ialah perempuan iaitu sebanyak 24.7 peratus.

Rata-rata responden dalam kajian ini berumur 18 hingga 25 tahun. Pelajar ini merupakan pelajar tahun dua (2) di peringkat diploma. Majoriti pelajar yang mengambil bahagian dalam kajian ini adalah berumur 18-19 tahun iaitu sebanyak 53.4 peratus. Diikuti dengan pelajar berusia 20-21 tahun iaitu sebanyak 43.1 peratus dan pelajar berusia 22-23 tahun seramai 9 orang yang mewakili 3.2 peratus. Berdasarkan analisa, hanya seorang responden yang berumur 24-25 tahun.

Analisis kajian menunjukkan bahawa responden yang menjawab borang soal selidik ini terdiri daripada pelbagai bangsa. Majoriti bangsa yang menjawab soal selidik adalah berbangsa melayu iaitu 75.6 peratus daripada jumlah keseluruhan responden dan kemudian diikuti dengan responden berbangsa india iaitu 12.7 peratus. Manakala responden dari bangsa cina sebanyak 8.5 peratus. Di samping itu, hanya 3.2% atau 9 orang sahaja terdiri daripada bangsa lain-lain yang mungkin terdiri daripada baba dan nyonya, suku Bajau, suku kadazan-dusun dan lain-lain lagi.

Analisis kajian menunjukkan responden yang menjawab soal selidik yang telah diedarkan adalah terdiri daripada pelajar-pelajar yang mengikuti pengajian dalam Kejuruteraan Elektrik di Politeknik Ungku Omar. Kesemua responden ini terdiri daripada pelajar semester tiga (3) dan empat (4) yang pernah menduduki peperiksaan buku terbuka yang dikenali sebagai peperiksaan alternatif. Jumlah responden adalah berbeza kerana ia berdasarkan kepada jumlah populasi. Analisis kajian menunjukkan seramai 127 responden merupakan pelajar dalam bidang Diploma Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (DEE), 86 responden merupakan pelajar dalam bidang Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komputer) dan 70 responden merupakan pelajar dalam bidang Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi). Dapatlah disimpulkan bahawa pelajar Diploma Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (DEE) mempunyai jumlah responden paling besar kerana jumlah populasi pelajar DEE adalah paling ramai iaitu 184 pelajar.

Jadual 3: Demografi

Kategori	Kekerapan	Peratus (%)
Jantina		
Lelaki	213	75.3
Perempuan	70	24.7
Umur		
18-19	151	53.4
20-21	122	43.1
22-23	9	3.2
24-25	1	0.4
Bangsa		
Melayu	214	75.6
India	36	12.7
Cina	24	8.5
Lain-lain	9	3.2
Bidang pengajian		
DEE	127	44.9
DTK	86	30.4
DEP	70	24.7

ii. Analisa pelajar terhadap peperiksaan buku terbuka

Item pada borang soal selidik ini mengkaji pendapat pelajar terhadap peperiksaan buku terbuka. Terdapat tiga (3) soalan dalam bahagian ini, responden perlu menjawab soalan ini dalam bentuk 5 Skala Likert Mata. Skala 1 menunjukkan item Sangat Tidak Setuju, diikuti dengan Tidak Setuju, Neutral, Bersetuju dan Sangat Bersetuju. Bagi mengukur pendapat pelajar, kaedah pengukuran min akan menentukan tahap responden. Nilai min antara 1.00-2.33 menunjukkan tahap rendah, 2.34-3.67 menunjukkan tahap sederhana manakala nilai min 3.77-5.00 menunjukkan tahap tinggi.

Item pertama dalam borang soal selidik adalah berkenaan minat pelajar terhadap peperiksaan buku terbuka, rata-rata pelajar menyukai peperiksaan jenis ini berdasarkan analisa yang telah dibuat. Nilai min bagi item ini juga menunjukkan nilai yang tinggi iaitu 4.71. analisis ini selari dengan kajian yang telah dilaksanakan oleh [12]. Di mana 55 peratus pelajar menyukai peperiksaan buku terbuka.

Item kedua adalah soalan berkenaan adakah peperiksaan buku terbuka memerlukan pelajar kurang persediaan untuk menghadapi peperiksaan. Analisis data menunjukkan nilai min adalah berada di tahap yang sederhana iaitu 2.74. Majoriti pelajar iaitu 126 pelajar tidak bersetuju

dengan pernyataan ini. Hanya segelintir responden yang bersetuju dengan pernyataan ini iaitu seramai 76 responden.

Dalam pernyataan ketiga, min berada pada tahap yang tinggi iaitu 3.80. Majoriti responden iaitu 52 responden bersetuju dengan pernyataan peperiksaan buku terbuka sepatutnya lebih mudah. Ini diikuti dengan 114 responden yang sangat bersetuju dengan pernyataan ini. Hanya segelintir sahaja responden yang tidak setuju dan sangat tidak setuju iaitu seramai 37 orang.

Jadual 4: Jadual Analisa

SOALAN	1 STS	2 TS	3 N	4 B	5 SB	MIN
Lebih menyukai peperiksaan buku terbuka berbanding buku tertutup	2	4	19	24	234	4.71
Peperiksaan buku terbuka memerlukan kurang persediaan	72	54	81	27	49	2.74
Peperiksaan buku terbuka sepatutnya lebih mudah	17	20	80	52	114	3.80

iii. Persepsi pelajar terhadap peperiksaan buku terbuka

Bagi tujuan menganalisis persepsi pelajar terhadap peperiksaan buku terbuka, terdapat empat item soalan yang dikemukakan di borang soal selidik. Soalan pertama adalah berkaitan pandangan pertama pelajar apabila mendengar frasa peperiksaan buku terbuka. Seramai 36.7 peratus pelajar berpendapat peperiksaan buku terbuka memerlukan persediaan yang rapi dan 27.9 peratus pelajar berpandangan melalui peperiksaan buku terbuka, mereka dapat mengaplikasikan pembelajaran yang telah dipelajari. Di samping itu, pelajar juga berpandangan peperiksaan buku terbuka membolehkan pelajar mengambil jawapan dari mana-mana sumber yang berkaitan dan 15.5 peratus pelajar menyatakan peperiksaan buku terbuka dapat membantu dalam pembelajaran sepanjang hayat. Manakala, hanya segelintir pelajar menyata peperiksaan buku terbuka adalah susah dan sukar iaitu sebanyak 3.2%.

Bagi mengkaji pendapat peribadi pelajar berkenaan peperiksaan buku terbuka pula, pelbagai pilihan jawapan telah disediakan. Berdasarkan data yang telah didapati, 48.8 peratus iaitu 138 pelajar bersetuju bahawa peperiksaan buku terbuka adalah baik dan bagus serta sebanyak 23.3peratus iaitu 66 pelajar menyatakan peperiksaan buku terbuka perlu menentukan sumber yang akan membantu dalam peperiksaan. Manakala, 52 pelajar bersetuju yang peperiksaan buku terbuka boleh diterima jika soalan itu relevan. Hanya segelintir pelajar yang

menyatakan peperiksaan buku terbuka mengelirukan serta mencabar dan membuang masa untuk mencari jawapan yang membawa kepada jumlah peratusan yang kecil iaitu hanya 9.6 peratus.

Bagi item ketiga tentang persepsi pelajar terhadap peperiksaan buku terbuka, seramai 90 pelajar (31.8%) bersetuju hanya kursus yang memerlukan pengiraan yang banyak sahaja boleh melaksanakan peperiksaan buku terbuka. Manakala 69 pelajar (24.4%) bersetuju hanya kursus yang memerlukan pelajar menyelesaikan masalah dan berfikir kreatif sahaja wajar melaksanakan kaedah peperiksaan buku terbuka. Seramai 46 pelajar (16.3%) berfikir bahawa dengan membenarkan pelaksanaan buku terbuka, ia memberi peluang kepada pelajar untuk mengaplikasikan pengetahuan dan 44 pelajar (15.5%) bersetuju dengan peperiksaan buku terbuka ia menggalakkan lebih banyak pembacaan. Akhir sekali, 34 pelajar (12%) berfikir kursus dengan beban kerja yang berat wajar dijadikan alasan untuk membenarkan pelaksanaan kaedah peperiksaan buku terbuka.

Kajian dari segi manfaat peperiksaan buku terbuka yang telah dijalankan, majoriti pelajar bersetuju bahawa ianya kurang memberi tekanan kepada pelajar iaitu seramai 160 (56.5%) bersetuju dengan pernyataan ini. Selain itu, 46 pelajar (16.3%) bersetuju dengan pernyataan yang mana peperiksaan buku terbuka memberi ruang kepada pelajar untuk berfikir logik (logical reasoning) dan sebanyak 45 pelajar (15.9%) berfikir peperiksaan buku terbuka kurang memerlukan pelajar untuk menghafal fakta. Di samping, 22 pelajar (7.8%) bersetuju bahawa peperiksaan buku terbuka memberi ruang kepada pelajar untuk berfikir kreatif. Manakala, hanya 10 pelajar (3.5%) pelajar bersetuju bahawa peperiksaan buku terbuka kurang mengambil masa pelajar untuk mempersiapkan diri untuk menghadapi peperiksaan.

Jadual 5: Analisa persepsi pelajar terhadap peperiksaan buku terbuka.

Soalan 1		
Pandangan pertama pelajar apabila mendengar frasa "Peperiksaan buku terbuka"	K	%
Memerlukan persediaan yang rapi	104	36.7%
Mengaplikasikan pembelajaran yang dipelajari	79	27.9%
Boleh mengambil jawapan dari mana-mana sumber	47	16.6%

Membantu dalam pembelajaran sepanjang hayat	44	15.5%
Susah dan sukar	9	3.2%
Soalan 2		
Pendapat peribadi pelajar tentang peperiksaan buku terbuka	K	%
Saya berfikir ia baik dan bagus	138	48.8%
Perlu menentukan sumber yang akan membantu dalam peperiksaan	66	23.3%
Boleh diterima jika soalan itu relevan	52	18.4%
Mengelirukan dan mencabar	26	9.2%
Membuang masa untuk mencari jawapan	1	0.4%
Soalan 3		
Alasan yang pelajar fikirkan untuk membenarkan peperiksaan buku terbuka	K	%
Kursus yang memerlukan pengiraan yang banyak	90	31.8%
Kursus yang memerlukan pelajar menyelesaikan masalah dan berfikir kreatif	69	24.4%
Mengaplikasikan pengetahuan	46	16.3%
Menggalakkan lebih banyak membaca	44	15.5%
Kursus dengan beban kerja yang berat	34	12%
Soalan 4		
Manfaat Peperiksaan buku terbuka	K	%
Kurang memberi tekanan kepada pelajar	160	56.5%
Memberi ruang kepada pelajar untuk berfikir logik (logical reasoning)	46	16.3%
Kurang memerlukan hafalan	45	15.9%
Memberi ruang kepada pelajar untuk berfikir kreatif	22	7.8%
Kurang mengambil masa pelajar untuk mempersiapkan diri untuk menghadapi peperiksaan	10	3.5

VII. KESIMPULAN

Kaedah pembelajaran dan penilaian pelajar telah berubah lantaran penularan wabak covid-19, kaedah penilaian buku terbuka telah dilaksanakan bagi

menggantikan penilaian atau pentaksiran tradisional yang sedia ada [13]. Berdasarkan kajian yang dibuat kepada pelajar semester tiga dan empat dari Jabatan Kejuruteraan Elektrik, 91% pelajar menyukai kaedah peperiksaan buku terbuka. Dapatan kajian ini turut mendapat reaksi yang sama dengan kajian yang dijalankan oleh [14] yang menjalankan kajian terhadap 408 pelajar Ijazah Sarjana Muda di University Taiz dimana hasil kajian menunjukkan lebih 60% pelajar menyukai peperiksaan buku terbuka.

Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan kebanyakan pelajar memilih peperiksaan buku terbuka daripada peperiksaan buku tertutup. Sambutan yang positif terhadap peperiksaan buku terbuka ini dilihat sebagai satu batu loncatan untuk memperluaskan kaedah peperiksaan buku terbuka ini di masa akan datang bukan sahaja di waktu pandemik. Seperti yang dibincangkan oleh penyelidik terdahulu, [14]. Beliau menyatakan jika peperiksaan buku terbuka dilaksanakan dengan kaedah yang betul, ia menggalakkan keupayaan pelajar untuk berfikir daripada menghafal, mengurangkan tekanan akibat peperiksaan dan menggalakkan pelajar untuk memantau sendiri tahap pembelajaran mereka. Oleh yang demikian, amat wajar untuk melaksanakan penilaian pelajar dengan menggunakan kaedah buku terbuka selaras dengan perubahan kursus, pengajaran dan pembelajaran. Dengan menggunakan peperiksaan buku terbuka dengan pelaksanaan yang bersesuaian ia mungkin boleh menyumbang kepada peningkatan pembelajaran di peringkat pengajian tinggi sekali gus memastikan pelajar memenuhi kehendak majikan di industri.

PENGAKUAN

Saya akui kajian ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Tandatangan:


Nama: Fadilah binti Ahmad
No Kad Pengenalan: 730713025668
Tarikh: 06 Mac 2023

REFERENCES

- [1] Nurhaziqah Hishamudin, Khazri Osman, & Adawiyah Ismail. (n.d.). Wabak Covid-19 Meragut Nyawa: Cabaran Dan Kesan Kepada Masyarakat.
- [2] Rahman, A. (2022, February 22). Kaedah peperiksaan buka buku uji keupayaan intelektual pelajar. Berita Harian; Berita Harian.
<https://www.bharian.com.my/berita/pendidikan/2022/02/925546/kaedah-peperiksaan-buka-buku-uji-keupayaan-intelektual-pelajar>
- [3] Dhananjay Ashri, & Bibhu P. Sahoo. (2021). Open Book Examination and Higher Education During COVID-19: Case of University of Delhi. Journal of Educational Technology Systems, 1–14.
<https://doi.org/10.1177/0047239521013783> journals.sagepub.com/home/ets
- [4] Khairul Azman, Berhannudin & Ahmad Esa. (n.d). The open book Examination. <https://community.uthm.edu.my/cv/publications/view/2-Artikel-Jurnal/216-The-Open-Book-Examination>
- [5] Ferrante, S., & Heppard, C. (2016). Using Open-Book Exams to Enhance Student Learning, Performance, and Motivation. The Journal of Effective Teaching, 16(1), 19–35. <https://files.eric.ed.gov/fulltext/EJ1092705.pdf>
- [6] Afshin Gharib, William Phillips, & Noelle Mathew. (2012). Cheat sheet or open-book? A comparison of the effects of exam types on performance, retention, and anxiety. Journal of Psychology Research, 2(8). <https://doi.org/10.17265/2159-5542/2012.08.004>
- [7] Johnston, J., & Rooney, P. (2021). Open-Book Assessment: A Handbook for Academics. https://www.tcd.ie/academicpractice/Assets/pdf/gateway/OBA_HandbookStaff_FromTAR A.pdf
- [8] Gharib, A., Phillips, W., & Mathew, N. (2012). Cheat Sheet or Open-Book? A Comparison of the Effects of Exam Types on Performance, Retention, and Anxiety *. Psychology Research, 2(8), 469–478. <https://files.eric.ed.gov/fulltext/ED537423.pdf>
- [9] Zulfia Dhelawala, & Saiyad, A. (2018). To study the impact of the open book

- examination in terms of the achievement of standard viii students in different subjects i. *Original Article BPAS Journal of Education, 1*(1), 12–26.
<https://bpasjournals.com/admin/upload/dynamic2/2-BPAS%20JOE-02-2018%20p12-26.pdf>
- https://www.researchgate.net/publication/320346875_Quantitative_Research_Methods_A_Synopsis_Approach
- [10] Oberiri Destiny Apuke. (2017, October). Quantitative Research Methods : A Synopsis Approach. ResearchGate; Al Manhal FZ, LLC.
https://www.researchgate.net/publication/320346875_Quantitative_Research_Methods_A_Synopsis_Approach
- [11] Mohd Kamaruzaman, F., Sulaiman, N. A., & Nor Shaid, N. A. (2021). A Study on Perception of Students' Readiness towards Online Learning During Covid-19 Pandemic. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*,11(7).
<https://doi.org/10.6007/ijarbss/v11-i7/10488>
- [12] Swart, A., & Sutherland, T. (2014). Student Perspectives of Open Book versus Closed Book Examinations-a Case Study in Satellite Communication*.
<https://core.ac.uk/download/pdf/222966917.pdf>
- [13] Abdul Rahman, A., & Ahmad Zaluki, N. A. (2020). Pencegahan Penularan virus Corona (covid-19) Menurut Perspektif Islam. *Journal of Fatwa Management and Research*,1–13.
<https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol22no1.318>
- [14] AbdulSalam Saif. (2021). The Impact of Open Book Examinations on Undergraduate Students' Learning: Students' Perspective.

AUTHOR'S INFORMATION

<p>First Author: Fadilah binti Ahmad</p> 	<p>Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Politeknik Ungku Omar, Jalan Raja Musa Mahadi, Perak, 31400 Ipoh, Malaysia E-mail: dilahmad@puo.edu.my</p>
<p>Second Author: Saadiah binti Seman</p> 	<p>Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Politeknik Ungku Omar, Jalan Raja Musa Mahadi, Perak, 31400 Ipoh, Malaysia E-mail: diahseman@puo.edu.my</p>
<p>Third Author: Sharmila binti Mad Isa</p> 	<p>Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Politeknik Ungku Omar, Jalan Raja Musa Mahadi, Perak, 31400 Ipoh, Malaysia E-mail: sharmila.mdisa@puo.edu.my</p>
<p>Fourth Author: Nor Aqilah binti Abdul Hamid</p> 	<p>Ghazali Shafie Graduate School of Government, Universiti Utara Malaysia E-mail: aqilah9780@gmail.com</p>